



TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

**MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM GRED 41/44
PELBAGAI SKIM PERKHIDMATAN**

**26 JANUARI 2017 (KHAMIS)
2.00 PETANG**

**AUDITORIUM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan dan Salam
Sehati Sejiwa

Yang dihormati Saudara Pengacara
Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin
Mohd Abd Rahman
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Sabariah binti
Hassan

Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berusaha Encik Abdul Halim bin
Hamzah

Pengarah Bahagian Khidmat
Pengurusan

Yang Berbahagia Datuk Noridah binti
Abdul Rahim

Pengarah Bahagian Perkhidmatan

Pegawai-pegawai Kanan JPA

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan,
para hadirin yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua kita dapat bersama-sama dalam sesi beramah mesra di JPA pada petang ini. Masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2017 kepada semua yang hadir dan diharap dengan ketibaan tahun baharu ini, maka bermulalah lembaran baharu

dalam kehidupan kita, termasuk tugas-tugas yang perlu kita laksanakan dan sasaran-sasaran yang mesti kita capai.

2. Saya difahamkan seramai lebih 462 orang penjawat awam Gred 41/44 dari pelbagai skim perkhidmatan telah hadir ke majlis pada hari ini.

3. Dengan ikhlas, tujuan saya berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini adalah untuk beramah mesra serta untuk berkenalan dengan tuan-tuan dan puan-puan semua, calon-calon pemimpin yang akan menerajui perkhidmatan awam

pada masa akan datang. Hari ini, pimpinan Negara telah menggagaskan agenda baharu Negara iaitu Transformasi Nasional 2050. Justeru, saya percaya saudara dan saudari di hadapan saya pada hari inilah yang merupakan generasi tersebut yang bakal menerajui perkhidmatan awam Negara pada masa tersebut.

ISU INTEGRITI PENJAWAT AWAM

Saudara-saudari yang dihormati
sekalian,

4. Saban hari, kita sering kali mendapat berita mengenai penjawat-penjawat awam yang terlibat dengan rasuah. Daripada peringkat bawahan sehingga ke peringkat tertinggi, kita telah dikejutkan dengan tangkapan demi tangkapan yang telah dilaksanakan oleh SPRM untuk membanteras gejala rasuah ini.

5. Perang terhadap rasuah telah mengambil satu langkah ke hadapan dengan tertangkapnya pegawai-pegawai kanan kerajaan yang memegang jawatan tinggi dalam organisasi yang disyaki terlibat dengan

salah laku rasuah. Daripada Setiausaha Bahagian sebuah Kementerian, pegawai kanan syarikat milik kerajaan (GLC) sehingga ke Ketua Setiausaha sebuah Kementerian, SPRM telah menunjukkan komitmen dan usaha kerajaan dalam menangani isu rasuah dengan serius.

6. Dalam keadaan kita berbangga dengan kecekapan dan ketangkasan SPRM dalam membanteras rasuah, kita juga perlu berasa amat malu kerana ia telah mencalarkan imej penjawat awam secara keseluruhan. Tidak kira dalam mana-mana gred

mahupun skim perkhidmatan apa sekalipun, sebagai penjawat awam kita perlu memastikan bahawa integriti kita dijaga atas tanggungjawab kepada *stakeholder* atau pemegang taruh utama iaitu rakyat.

7. Pendedahan dan penangkapan ini perlu diberi keutamaan memandangkan penjawat awam adalah terikat dengan akujanji untuk melaksanakan tugas dengan penuh integriti. Kita perlu lebih serius dan tidak boleh memandang ringan akan perkara ini, kerana rasuah bukan sahaja boleh memberi kesan buruk kepada ekonomi

dan sosial Negara, malah ia perlahan-lahan akan menghilangkan nilai-nilai murni serta menjejaskan asas-asas moral dalam peribadi seseorang.

8. Isu rasuah ini secara langsung telah menjejaskan kredibiliti perkhidmatan awam dan telah mengurangkan keyakinan dan kepercayaan *stakeholder* terhadap tahap integriti penjawat-penjawat awam. Oleh yang demikian, adalah wajib bagi semua Kementerian, Jabatan dan Agensi kerajaan serta syarikat milik kerajaan bebas daripada individu-individu yang tidak berintegriti

ini. Hanya dengan tindakan keras inilah keyakinan terhadap kredibiliti perkhidmatan awam dapat dibaikpulih.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Saya ingin mengingatkan kepada diri saya sendiri dan juga kepada tuan-tuan dan puan-tuan bahawa kerja yang kita laksanakan adalah satu ibadah. Oleh itu, kita perlulah melaksanakan ibadah dengan ikhlas dan telus untuk mendapatkan keberkatan. Saya percaya dan yakin bahawa agama apa pun tidak membenarkan penganutnya untuk

membuat apa-apa salah laku terutamanya rasuah yang akibatnya akan merosakkan negara kita sendiri.

10. Janganlah kita sia-siakan peluang yang telah diberikan kerajaan untuk memberikan khidmat kepada rakyat. Amanah yang telah diberikan harus dijaga dan wajib bagi kita untuk memastikan bahawa setiap sen wang negara digunakan secara berhemah untuk kesejahteraan negara.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL OLEH PENJAWAT AWAM

Saudara-saudari yang dihormati
sekalian,

11. Perkembangan ICT masa kini memberikan impak yang amat besar kepada dunia dalam apa jua aspek kehidupan dan aktiviti yang dijalankan. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya melalui media sosial secara langsung telah memudahkan semua urusan seharian kita sama ada dalam urusan peribadi mahupun pekerjaan dan perniagaan.

12. Saya percaya lebih 90% daripada tuan-tuan dan puan-puan

adalah dari golongan *millenials*, di mana *Pew Research Center* yang beribu pejabat di Washington D.C. telah mengklasifikasikan anda semua sebagai '*digital natives*'. Tuan-tuan dan puan-puan adalah sangat mahir dan sangat pantas dalam mendapatkan berita mutakhir serta berkongsi maklumat dengan sesiapa sahaja di dunia melalui alam media sosial.

13. Saya sangat berbangga kerana dengan kepantasan ini, segala dasar-dasar kerajaan serta polisi-polisi baharu yang diperkenalkan terutamanya yang dapat membantu

rakyat dapat disampaikan dengan segera hanya dengan menekan butang 'share' di laman sosial anda, sama ada melalui Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain lagi.

14. Sebagai penjawat awam, tuan-tuan dan puan-puan wajib mengetahui batas-batas perhubungan dalam komunikasi melalui media sosial. Tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja mewakili diri sendiri sendiri dan keluarga, malah sebagai penjawat awam, mewakili organisasi, kerajaan serta Negara Malaysia sendiri.

15. Baru-baru ini, JPA telah mengambil tindakan ke atas beberapa pegawai yang telah menyalahgunakan media sosial. Pegawai-pegawai berkenaan telah meninggalkan komen yang sedikit sebanyak boleh ditafsirkan sebagai menghina kepimpinan Negara serta memperlekehkan dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, penjawat awam adalah imej kepada perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, kita harus sedar bahawa segala tingkah laku dan perbuatan kita di mata umum adalah menggambarkan

perkhidmatan awam itu sendiri. Buruk kita tonjolkan, buruklah perkhidmatan awam di mata umum.

16. Maka, atas sebab untuk menjaga imej perkhidmatan awam, saya ingin menasihatkan agar Tuan-tuan dan puan-puan supaya menahan diri daripada mengeluarkan komen-komen serta apa sahaja penulisan yang boleh menjejaskan imej kerajaan serta Negara.

17. Setiap warganegara memang mempunyai kebebasan bersuara, tetapi sebagai penjawat awam yang

berhemah dan profesional, hak dan kebebasan itu perlulah digunakan secara bijaksana untuk menyampaikan apa jua jenis maklumat. Maklumat berguna yang dikongsi itu secara tidak langsung akan menunjukkan kehebatan dan peribadi terpuji tuan-tuan dan puan-puan. Peribadi terpuji inilah yang akan melonjakkan imej kerajaan dan Negara Malaysia di mata rakyat serta mata dunia.

**TAHUN 2017 SEBAGAI TAHUN
PENYAMPAIAN**

Saudara saudari yang dihormati
sekalian,

18. YAB Perdana Menteri baru-baru ini telah menyatakan bahawa tahun ini adalah 'the year of delivery'. 'Delivery, delivery and delivery'; itulah fokus yang harus kita tetapkan dalam tugas kita sebagai penjawat awam pada tahun ini dan juga pada masa-masa akan datang.

19. Sebagai rakyat Malaysia dan penjawat awam khususnya, kita berasa sangat beruntung kerana kita dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang

mempunyai visi dan misi ke arah menjadikan Malaysia sebagai Negara maju. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai penjawat awam untuk menterjemahkan idea-idea pemimpin yang berinovasi tinggi ini untuk dijadikan dasar-dasar kerajaan.

Tuan – tuan dan puan – puan,

20. Perkhidmatan awam merupakan tonggak utama kepada pentadbiran Negara. Sebagai tulang belakang kepada pentadbiran Negara, kita bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar strategik kerajaan yang

bertunjangkan Dasar Transformasi Nasional demi memacu Malaysia menjadi sebuah Negara berpendapatan tinggi.

21. Sebagai penjawat awam dari pelbagai skim perkhidmatan, perjawatan kita telah disusun atur mengikut perancangan dan masing-masing mempunyai peranan yang setiapnya sangat penting untuk membangunkan Negara. Pada masa yang sama, kita perlu melaksanakan tugas secara berpasukan untuk memastikan apa yang dilaksanakan boleh mencapai hasil yang telah

ditetapkan malah melebihi ekspektasi. Bekerja di dalam silo masing-masing adalah ketinggalan zaman dan ia akan menyebabkan birokrasi keterlaluhan, seterusnya menyebabkan bantuan lewat sampai kepada rakyat.

22. Dasar-dasar Kerajaan telah disusun atur dan adalah menjadi tugas kita sebagai penjawat awam untuk memastikan segala perancangan dan dasar diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan aktiviti dan projek kerajaan yang optimum dan efisien. Penyampaian perkhidmatan ini bukan hanya perlu dilihat dari segi fizikal,

tetapi yang paling penting ialah bagaimana ia boleh memberi nilai kepada rakyat. Tidak ada gunanya sekiranya aktiviti yang dilaksanakan itu adalah gah dan diperkatakan oleh semua orang tetapi tidak mempunyai nilai kepada Negara.

23. Kita semua juga perlu memastikan semua aktiviti dan program yang dilaksanakan adalah mengikut jadual yang ditetapkan dan tatacara yang mengikut peraturan kerajaan. Kita adalah pemegang amanah kerajaan dan rakyat dan segala ketirisan akan membawa

kepada kehampaan dan kurangnya keyakinan rakyat kepada pegawai kerajaan.

24. Saudara-saudari merupakan pemangkin ke arah usaha pembangunan serta agenda transformasi Negara yang bukan sahaja menterjemahkan gaya pemikiran baharu namun juga mentransformasikan kepimpinan serta daya tindak dan pelaksanaan yang lebih berkesan.

25. Kerajaan juga telah memperkenalkan *National Blue Ocean*

Strategy bagi merangka perancangan dan operasi strategik dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang awam secara lebih berkesan dengan strategi pelaksanaan yang memberi penekanan kepada pencapaian impak yang tinggi, kos yang rendah serta pelaksanaan yang cepat (*high impact, low cost and rapid execution*).

26. Saya dengan ini mencabar diri saya sendiri dan juga tuan-tuan dan puan-puan untuk bekerja untuk mendapat pencapaian melebihi ekspektasi pada tahun ini untuk

membuktikan bahawa Dasar Transformasi Nasional adalah bukan hanya nama, tetapi satu dasar yang boleh menaikkan nama negara di persada global serta menjadikan kita setanding dengan negara-negara maju.

PENUTUP

27. Sebelum saya menutup bicara, sekali lagi ingin saya tegaskan betapa Kerajaan mempunyai harapan yang tinggi ke atas saudara-saudari bagi sama-sama membantu memimpin Perkhidmatan Awam terus-menerus menempa kejayaan dan

kecemerlangan. Saya percaya dan mempunyai keyakinan penuh bahawa saudara-saudari mampu memenuhi ekspektasi ini dan akan terus komited mendokong aspirasi kerajaan ke arah melahirkan sebuah Negara bangsa yang maju dan tinggi nilai integritinya.

28. Akhir kata, teruskan kebijaksanaan anda dalam menggunakan media sosial, teguhkanlah hati daripada godaan rasuah, jadilah penjawat awam yang berintegriti tinggi, dan jangan lupa kepada fokus kita pada tahun ini, iaitu *'delivery, delivery and delivery'*.

Saudara saudari adalah bakal pemimpin, dan Malaysia mengharapakan kebijaksanaan anda.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.